

# BAHASA MELAYU DAN JATI DIRI DALAM KONTEKS SATU MALAYSIA: SATU KUPASAN LINGUISTIK

*Nor Hashimah Jalaluddin*

shima@ukm.my

Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

## Abstrak

Setiap negara yang berdaulat mempunyai jati diri yang boleh dibanggakan. Pengukur identiti yang mudah adalah melalui bahasa dan budaya. Malaysia yang asalnya dikenali dengan Tanah Melayu telah menetapkan bahasa Melayu (BM) sebagai bahasa rasmi yang termaktub dalam Perlembagaan Negara. Hal ini sepatutnya tidak boleh diganggu gugat lagi. Namun demikian, senario hari ini didapati kedudukan BM terus dipersoalkan sebagai bahasa kebangsaan dan perpaduan. Perkembangan sistem pendidikan pasca-Razak telah melemahkan kedudukan BM. Polisi baru yang menekankan kepentingan sains dan teknologi serta bahasa Inggeris (BI) telah menyebabkan ada segelintir rakyat mula hilang keyakinan pada BM. Perkembangan ini pula sejajar dengan orde baru dunia serta imperialisme bahasa yang menekankan kepentingan bahasa Inggeris dan pada masa yang sama menenggelamkan bahasa kebangsaan. Kajian Nor Hashimah *et al.* (2009) menunjukkan bahawa fenomena penguasaan bahasa yang semakin merosot dalam kalangan remaja turut melemahkan kedaulatan BM. Kertas ini cuba mengupas taraf BM dalam konteks Satu Malaysia pada hari ini dari perspektif linguistik.

Kata kunci: peristilahan, imperialisme linguistik, neoimperialisme, kuasa hegemoni, identiti nasional

*Abstract*

*Every country has pride in its national identity. A major element of this identity is language and culture. Malaysia, originally known as Tanah Melayu, has stipulated that the Malay language is the official national language as enshrined in its constitution. The status is well accepted and become the medium of instruction in the education system in consistence with the Razak Report (1956). However, innovations in education system in the post-Razak era have weakened the position of the Malay language. The new policy emphasising on the importance of science and technology and the English language has resulted in a loss of confidence in the Malay Language among some parts of the population. This development is parallel with the new world order and language imperialism which stress the importance of English and thus undermined the national language. Nor Hashimah et al. (2009) shows that there is a correlation between the poor command of the Malay language among teenagers and the weakening of the Malay language sovereignty. This article attempts to analyze the status of the Malay language today in the context of One Malaysia from the linguistic perspective.*

*Keywords: terminology, linguistic imperialism, neo imperialism, hegemony power, national identity*

## **PENDAHULUAN**

Perancangan dan polisi bahasa merupakan salah satu agenda pihak pemerintah bagi memastikan negara ini mempunyai hala tuju bahasa yang terancang dan baik. Semua perancangan mesti mengikut garis panduan yang telah ditetapkan. Fishman (2006) mengatakan bahawa badan perancang bahasa selalunya dikaitkan dengan kuasa politik dan kuasa inilah yang menentukan apa yang harus dilakukan oleh para perancang bahasa. Ini jelas kelihatan di negara-negara sedang membangun dan negara bekas jajahan. Fishman menambah lagi, bagi negara membangun perancangan bahasa selalunya hadir bersama-sama perancangan pendidikan, perindustrian, pertanian, kebudayaan, identiti, dan beberapa aspek lain yang kesemuanya berkaitan dengan modenisasi komuniti.

Malaysia sebagai sebuah negara yang membangun tidak terkecuali daripada kenyataan di atas. Sesungguhnya perancangan bahasa dan polisi bahasa di negara ini diletakkan di bawah kuasa politik, iaitu di bawah

Kementerian Pelajaran. Tujuannya adalah untuk memastikan semua perancangan selari dengan aspirasi negara untuk menjadikan bahasa Melayu (BM) sebagai bahasa kebangsaan yang bermartabat dan dihayati oleh rakyat Malaysia. Sehubungan dengan itu, pelbagai usaha telah dijalankan seperti menubuhkan Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai perancang, pengembang dan pelaksana aktiviti kebahasaan dan kesusasteraan. Kini sudah lebih 50 tahun BM terancang dengan rapi.

Dunia tanpa sempadan dan dominasi negara barat dalam milenium ini menyaksikan imperialisme linguistik bergerak aktif di seluruh dunia. Robert Philipson (1992, 2006) menegaskan bahawa imperialisme linguistik bergerak sebanding dengan imperialisme komunikasi, kebudayaan, pendidikan dan sains dengan globalisasi tunjangan korporat ingin memaksakan aturan dunia neoimperialisme. Matlamat perjuangan neoimperialisme adalah satu, iaitu menjadi kuasa hegemoni dan pastinya dalam konteks bahasa, sudah tentu bahasa pilihan mereka ialah bahasa Inggeris.

## **BM SEBAGAI ALAT PENYATU**

Gerakan menyatupadukan rakyat melalui satu bahasa kebangsaan mempunyai sejarah yang amat panjang. Pihak berkuasa berasa satu dasar yang sama akan dapat memastikan perpaduan di kalangan rakyat berbilang bangsa dapat dicapai. Pembentukan Jawatankuasa Pelajaran Razak dianggotai oleh wakil semua kaum di Persekutuan Tanah Melayu (termasuk beberapa orang pegawai kanan British yang masih bertugas di Tanah Melayu) telah menerima sejumlah 164 memorandum, cadangan dan surat-surat daripada pelbagai pertubuhan (termasuk daripada 13 kerajaan asing) dan orang perseorangan. Dua formula penting telah dicipta:

- i) Sistem persekolahan di Persekutuan Tanah Melayu hendaklah menggunakan sukatan pelajaran yang sama (*common content syllabus*).
- ii) Sistem pendidikan kebangsaan selepas merdeka hendaklah menggunakan satu bahasa yang sama, iaitu bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem itu.

Penyata Razak antaranya menegaskan:

[Pendidikan di Malaya harus bermatlamat] membawa kesemua anak-anak berlainan bangsa di bawah satu payung pendidikan kebangsaan

yang sama di mana bahasa kebangsaan menjadi bahasa pengantar utama meskipun kita faham untuk mencapai matlamat ini seharusnya tidak boleh dilakukan secara tergesa-gesa malah mestilah beransur-ansur.

Penyata itu seterusnya menambah;

Adalah diharapkan dengan penggunaan bahasa kebangsaan secara terancang...akan memupuk kebiasaan di kalangan rakyat untuk menggunakannya selalu. Hanya dengan cara ini mereka akan merasa sebagai sebahagian daripada rakyat negara ini, dan sesungguhnya bahasa kebangsaan sebagai pengikat sebenar-benarnya yang boleh menyatukan semua rakyat di negara ini.

(YM Tengku Razaleigh Hamzah, 2007)

Daripada Penyata Razak di atas, jelas Dasar Pendidikan Negara mempunyai matlamat yang satu, untuk menyatukan seluruh kaum yang ada di Tanah Melayu di bawah satu bahasa, iaitu bahasa Melayu, dan satu sukatan pelajaran, iaitu sukatan pelajaran nasional. Hal ini penting agar kiblat pendidikan menuju matlamat bagi melahirkan modal insan yang mempunyai citra dan jati diri kebangsaan, bersatu padu dan hidup dengan harmoni. Penyata Razak (1956) boleh dianggap sebagai satu pemikiran dan visi Tun Abdul Razak (Menteri Pelajaran ketika itu) merentas sempadan etnik demi perpaduan dan kesejahteraan Negara.

## **KRONOLOGI BM DALAM SISTEM PENDIDIKAN MALAYSIA PASCA-RAZAK**

Selepas Laporan Razak, beberapa lagi penambahbaikan yang dilakukan terhadap polisi pendidikan kebangsaan. Tahun 1995 bermula detik dalam sistem pendidikan Malaysia apabila BI mula dibenarkan digunakan sebagai bahasa pengantar di Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Malaysia. Tujuannya adalah untuk menjadikan Malaysia sebagai *hub* pendidikan yang ulung di Asia Tenggara. Kelonggaran pada syarat ini menjangkiti pula sistem pendidikan nasional.

Pada tahun 2003, satu lagi dasar yang menggemparkan telah dilaksanakan. Kali ini penukaran bahasa pengantar bagi dua mata pelajaran di peringkat sekolah menengah dan rendah. Sains dan matematik

yang mula menjadi minat pelajar-pelajar Melayu diubah pengajarannya dalam bahasa Inggeris. Kita lihat dasar ini mengakibatkan lulusan SPM tahun 2006 menjadi lulusan terakhir menggunakan BM sebagai bahasa pengantar dalam pengajaran sains dan matematik. Pada bulan April 2007, semasa merasmikan Persidangan Antarabangsa Sekolah Bestari. Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia mahu BI terus diperkukuh di samping bahasa kebangsaan (*New Straits Times*, 2007). Kerajaan juga mahu melahirkan pelajar yang mahir dalam sains dan teknologi. Pada tahun 2007 juga lahir idea mewujudkan sekolah gugusan (*clusters*). Hanya beberapa sekolah sahaja yang terpilih. Sekolah-sekolah ini dibenarkan mempunyai autoriti menjadikan sekolah mereka sama ada sekolah sukan, sekolah muzik, sekolah pengurusan dan lain-lain. Tujuannya adalah untuk melahirkan pelajar yang serba boleh. Pengetua diberi keistimewaan untuk melantik guru-guru pilihan mereka. Dasar pasca-Razak tidak menyatakan dengan jelas peranan bahasa Melayu sebagaimana era Razak. Ironinya, dasar bahasa dalam Pelan Induk Pendidikan 2006-2010, Kementerian Pelajaran Malaysia telah memperuntukkan kuasa kepada Dewan Bahasa dan Pustaka untuk menegur mana-mana kesalahan bahasa Melayu yang dilakukan oleh mana-mana pihak ([http://www.moe.gov.my/galeri\\_awam/selidik/2007](http://www.moe.gov.my/galeri_awam/selidik/2007)). Namun demikian, sehingga kini kuasa yang diuar-uarkan belum lagi dilaksanakan.

Jelaslah pada zaman pasca-Razaklah lahir pelbagai penambahbaikan kepada sistem pendidikan negara. Antaranya melahirkan sekolah bestari (*smart school*), sekolah wawasan (*vision school*), sekolah gugusan (*cluster school*) dan yang paling menonjol sekali ialah penukaran bahasa pengantar di sekolah dalam pengajaran sains dan matematik meskipun ditolak mentah-mentah oleh pelbagai pihak termasuk masyarakat pendidik Cina (Dong Jiao Zong).

Perbezaan yang ketara antara dasar Razak dengan pasca-Razak ialah visi untuk menyatukan rakyat melalui sistem pendidikan melalui bahasa tidak jelas. Sekolah wawasan hanya memikirkan bagaimana dua atau tiga buah sekolah yang berbeza bahasa pengantarnya di kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti di negara ini berkongsi kemudahan awam supaya wujud intergrasi, contohnya berkongsi padang, makmal dan kemudahan asas. Sekolah bestari pula sekolah terpilih yang akan mendapat kemudahan komputer dan pengajaran yang lebih canggih. Begitu juga sekolah gugusan (*clusters*). Masalahnya, sekolah bestari, wawasan dan gugusan yang dipilih hanya sedikit daripada jumlah keseluruhan sekolah di Malaysia untuk dimajukan. Penukaran dasar bahasa juga hanya menguntungkan

mereka yang di bandar dan menafikan pendidikan berkualiti untuk anak-anak di luar bandar. Ini semua jelas bertentangan dengan semangat yang ditunjukkan dalam Penyata Razak.

### **Pembentukan Negara Bangsa Melalui Bahasa**

Mengikut Abdul Rahman dalam Nor Hashimah *et al.* (2008), negara bangsa adalah tentang masyarakat, bukan institusi yang berkuasa, walaupun kedua-duanya saling berkaitan. Negara bangsa adalah tentang “membawa masyarakat yang pelbagai cita rasa bersama-sama dengan iltizam untuk berkongsi satu hala tuju”. Namun demikian, apa yang berlaku ialah persaingan tanggapan mengenai negara bangsa. Lima persaingan tanggapan negara bangsa dapat diperhatikan seperti yang berikut:

- i) Doktrin pembangunan – bangsa bumiputera yang sangat kagum dengan BI yang berasa BI sebagai pintu menuju pembangunan, kemewahan dan kejayaan masa muka. Mereka ialah golongan elit dan turut disertai oleh kaum bukan Melayu.
- ii) Bumiputera yang yakin BM sebagai identiti bangsa. Mereka ialah elit pencinta bahasa dan sastera dan menganggap BM sebagai kesinambungan sejarah.
- iii) Golongan yang mempromosikan bilingualisme dan multilingualisme. Mereka mahu BM sebagai bahasa kebangsaan dan pada masa yang sama bahasa-bahasa lain diizinkan subur di negara ini.
- iv) Mempertahankan bahasa ibunda masing-masing dan pada masa yang sama tidak jelas pendirian dengan BM sebagai bahasa kebangsaan.
- v) Golongan yang berpendapat bahasa ialah alat, tetapi Islamlah identiti yang sebenar.

Tanggapan yang terbaik ialah tanggapan yang ketiga dan ternyata tanggapan ini selari dengan apa yang diperjuangkan oleh Laporan Razak. Semua orang harus digalakkan menguasai lebih banyak bahasa. Tetapi, di sebalik kehairahan ini, bahasa Melayu yang menjadi penyatu bangsa haruslah kekal sebagai bahasa kebangsaan. Kedua-dua elemen ini, iaitu dasar pelajaran dan negara bangsa amat penting untuk membentuk modal insan yang berkualiti. Tun Razak tidak menggunakan istilah modal insan secara eksplisit sebagaimana digunakan sekarang, tetapi dasar pelajaran itu mempunyai matlamat yang sama, yang seimbang dan dapat dihayati oleh semua rakyat tanpa mengira kaum, kedudukan dan lokasi demi kesejahteraan negara.

## Modal Insan

Semasa YAB Perdana Menteri (PM) membentangkan usul Rancangan Malaysia ke-9 (2006 – 2010) di Dewan Rakyat pada 31 Mac 2006, PM telah menggariskan lima teras Misi Nasional. Salah satu teras tersebut ialah “meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk *minda kelas pertama*”. Menurut beliau kejayaan misi ini bergantung pada mutu modal insan yang dimiliki. Modal insan ini dilihat bukan sahaja dari segi intelek tetapi juga dari segi keperibadian. Oleh itu, menurut beliau lagi kerajaan akan melaksanakan usaha penambahbaikan sistem pendidikan negara secara menyeluruh, daripada peringkat prasekolah hinggalah ke peringkat tinggi dan vokasional. Pada masa yang sama, penekanan akan diberikan terhadap usaha memupuk masyarakat berbudaya dan memiliki kekuatan moral.

PM juga menyatakan pembangunan modal insan harus dilakukan secara holistik dengan menekankan pembangunan ilmu pengetahuan, kemahiran, modal intelektual termasuk ilmu sains, teknologi dan keusahawanan dan juga pembudayaan sikap progresif serta nilai etika dan moral yang tinggi untuk melahirkan modal insan berminda kelas pertama.

Tiga strategi utama yang dikenal pasti untuk melahirkan modal insan kelas pertama iaitu:

1. meningkatkan keupayaan dan penguasaan ilmu pengetahuan;
2. memperkukuh keupayaan sains, R & D dan inovasi;
3. memupuk masyarakat berbudaya dan memiliki kekuatan moral.

Antara langkah-langkah yang akan diambil ialah menjadikan sekolah kebangsaan sebagai sekolah pilihan. Sekolah dianggap sebagai “tapak semaian” bagi memupuk perpaduan negara dan menyemai semangat integrasi nasional. Di samping itu, komposisi kaum di kalangan murid dan guru akan diseimbangkan. Kualiti pengajaran juga akan dipertingkatkan dengan mengkaji kurikulum dan aktiviti kokurikulum untuk memastikan asas yang kukuh bagi pembangunan kompetensi asas dan bersesuaian dengan kehendak semasa. Mata pelajaran bahasa seperti Mandarin dan Tamil pula akan diperkenalkan sebagai mata pelajaran elektif.

Modal insan yang dibahaskan di sini ialah modal insan yang berkualiti. Apa yang jelas Dasar Pendidikan Negara menjadi fokus, tetapi apa yang hendak ditekankan demi memperbaiki sistem pendidikan negara untuk melahirkan modal insan yang berkualiti, agak kabur. Penekanan yang

diberikan lebih kepada sains dan teknologi serta budaya dan keperibadian mulia. Ini adalah satu harapan yang sangat baik. Tetapi, yang jelas penekanannya lebih diberikan kepada bahasa Inggeris dan bukannya BM seperti di era Razak. Persoalannya sekarang mampukah kita melahirkan modal insan berkualiti dengan menggunakan BI sedangkan 70 peratus daripada rakyat kita lemah dalam BI. Keputusan UPSR 2006 menunjukkan 70 peratus daripada pelajar mendapat gred C, D dan E (*New Straits Times*: 16 Nov. 2006). Ini bukanlah satu petanda yang baik ke arah melahirkan modal insan berkualiti kerana kekurangan yang ada pada rakyat sendiri. Isu global selalu dijadikan alasan utama mengapa BI harus menggantikan BM. Tetapi kelemahan BI tidak harus dibaik pulih melalui dua subjek yang sangat berat seperti sains dan matematik. Kelemahan BI ini harus dibaiki dari aspek lingkungan persekitaran, penguasaan bahasa pelajar dan pedagogi BI itu sendiri.

### **Konsep Satu Malaysia**

Rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum dan agama perlu menganggap diri mereka sebagai bangsa Malaysia yang berfikir dan bertindak ke arah mencapai satu matlamat. Seajar dengan ini, perpaduan yang sedia terjalin antara kaum di negara ini perlu diperkukuh bagi mewujudkan suasana negara yang lebih aman, maju, selamat dan makmur. Konsep Satu Malaysia yang diperkenalkan oleh YAB Dato Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri ialah langkah yang bertepatan dengan suasana dan cita rasa rakyat. Konsep ini selari dengan apa yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan prinsip-prinsip Rukun Negara.

Satu Malaysia membawa aspirasi untuk memperbaiki hubungan kaum bagi memastikan rakyat Malaysia dapat menjalin perpaduan yang lebih erat. Perkara asas yang perlu diwujudkan dalam semangat perpaduan ialah perasaan hormat-menghormati, keikhlasan dan sikap percaya-mempercayai antara kaum. “Satu Malaysia” juga akan mewujudkan sebuah kerajaan yang mengutamakan pencapaian berpaksikan keutamaan rakyat sebagaimana slogan YAB Perdana Menteri iaitu “Rakyat didahulukan, Pencapaian diutamakan”.

Satu Malaysia memerlukan kepimpinan dan rakyat yang berintegriti tinggi. Sifat jujur, berkebolehan, bercakap benar, telus, ikhlas dan amanah amat penting untuk melaksanakan tanggungjawab kepada negara. Satu Malaysia memerlukan pemimpin yang bijak mentafsir dan memahami tugas yang diberi. Pemimpin cemerlang dan komited sewajarnya



memiliki kebolehan yang tinggi dalam merancang, mengatur strategi, menilai prestasi dan menepati masa dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.

Kesungguhan dan komitmen terhadap tugas serta bertanggungjawab menjadi asas atau senjata paling ampuh dalam mencapai sesuatu kejayaan. Negara memerlukan rakyat yang berdedikasi dan komited untuk melaksanakan tugas dengan penuh tanggungjawab, iltizam, azam dan tekad demi kepentingan dan kemajuan negara. Malaysia juga memerlukan pemimpin yang mesra rakyat dan sanggup berkorban masa, tenaga dan kewangan serta menyetepikan kepentingan peribadi demi negara Malaysia. Pemimpin yang bekerja dengan penuh dedikasi dan hati yang ikhlas akan mendapat sokongan dan dihormati oleh semua lapisan masyarakat.

Semua kaum perlu mengutamakan kesetiaan dan kepentingan kepada negara mengatasi kesetiaan kepada kaum dan kelompok sendiri. Negara ini ialah negara untuk semua rakyat, tanpa mengira kaum, agama, budaya serta fahaman politik. Semua kaum perlu menganggap bahawa mereka bangsa Malaysia, dan segala kemudahan perlu dinikmati secara bersama. Malaysia ialah negara kita dan tidak ada masyarakat atau kaum yang akan dipinggirkan daripada menikmati pembangunan dan pembelaan kerajaan.

Satu Malaysia ialah pemangkin kepada pewujudan negara bangsa yang dapat membina Malaysia sebagai negara yang mempunyai sikap kesamaan dan kekitaan di kalangan rakyat. Keupayaan membina negara bangsa bergantung pada perkongsian nilai integriti, kebolehan, dedikasi dan kesetiaan.

Pemimpin dan rakyat perlu memahami dan menghayati lapan nilai Satu Malaysia, iaitu budaya kecemerlangan, ketabahan, rendah hati, penerimaan, kesetiaan, meritokrasi, pendidikan dan integriti.

### ***Nilai-Nilai Satu Malaysia***

Terdapat lapan nilai yang diterapkan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak dalam konsep "Satu Malaysia". Nilai-nilai murni ini diharap dapat menyatupadukan rakyat Malaysia dengan fikiran dan tindakan yang menjurus kepada satu matlamat, iaitu untuk negara. Kelapan-lapan nilai tersebut ialah:

1. Budaya kecemerlangan
2. Ketabahan
3. Rendah hati

4. Penerimaan
5. Kesetiaan
6. Meritokrasi
7. Pendidikan

### ***Pendidikan***

Khusus untuk artikel ini, kupasan pendidikan dalam konsep Satu Malaysia akan dihuraikan dengan ringkas. Pendidikan dan pengetahuan ialah prasyarat penting untuk mana-mana negara mencapai kejayaan. Kekuatan dan ketahanan negara berasaskan masyarakat yang berpendidikan dan berpengetahuan mengatasi kekuatan ketenteraan. Lima garis panduan pendidikan yang diberikan ialah:

- a. Negara perlu memiliki masyarakat yang mengutamakan pendidikan dan pengetahuan daripada segala-galanya.
- b. Budaya membaca berupaya melahirkan rakyat Malaysia yang mempunyai minda yang sentiasa terbuka.
- c. Sekolah aliran kebangsaan telah ditakrifkan semula untuk memasukkan sekolah vernakular.
- d. Semua aliran, sama ada sekolah kebangsaan, sekolah Cina dan sekolah Tamil hendaklah sentiasa mencari peluang berinteraksi dengan mengadakan aktiviti bersama.
- e. Kurikulum yang dibangunkan untuk ketiga-tiga aliran hendaklah menekankan nilai-nilai bersama yang perlu dipupuk untuk membentuk Satu Malaysia.

Sebagai rumusan, semua yang baik telah disenaraikan. Sekali lagi, tidak ada satu klausa pun dalam konsep Satu Malaysia memberi penekanan kepada bahasa Melayu. Kini muncul satu lagi saranan untuk pendidikan di Malaysia. Kali ini pendidikan satu aliran dikemukakan oleh Profesor Khoo Kay Kim dalam ceramahnya yang bertajuk “1 Malaysia: Cabaran dan Harapan” dalam program Semarak Perpaduan dan Patriotisme, di Pulau Pinang baru-baru ini, mencadangkan pelaksanaan sekolah satu aliran. Kenyataan Prof. Khoo telah disambut secara positif oleh ahli politik.

Hamim Samuri (BN-Ledang) berkata, sistem pendidikan yang mengamalkan sekolah pelbagai aliran sekarang tidak akan membantu kerajaan menyatupadukan rakyat apatah lagi untuk menyelami makna sebenar gagasan Satu Malaysia. Justeru, beliau mencadangkan

supaya semua sekolah menengah di negara ini dalam satu aliran bagi memastikan pelajar daripada semua kaum berada di bawah satu bumbung perpaduan.

“Kita boleh kekalkan sekolah pelbagai aliran di peringkat sekolah rendah tetapi ia wajar dijadikan satu aliran apabila di peringkat sekolah menengah. Dalam konteks ini kerajaan harus mengambil alih semua sekolah menengah dengan menjadikannya satu aliran supaya anak-anak kita dapat belajar dalam satu sekolah yang sama,” katanya ketika membahaskan Bajet 2010 pada sidang Dewan Rakyat di sini hari ini.

Datuk Abd. Halim Abd. Rahman (Pas-Pengkalan Chepa) yang bersetuju dengan Hamim pula berkata, hasil pengamatan dan kajian yang dibuat telah mendapati sistem pendidikan sekarang tidak ada titik pertemuan. “Sistem pendidikan kita sekarang ini seperti landasan kereta api yang akhirnya tidak ada titik pertemuan dan itulah yang pernah dibangkitkan oleh Profesor Khoo Kay Kim sebelum ini,” katanya.

Suara Tony Pua (DAP-Petaling Jaya Utara) dalam hal ini senada apabila beliau bersetuju sekolah satu aliran diwujudkan di peringkat sekolah menengah supaya matlamat perpaduan dicapai. Sekolah pelbagai aliran sekarang merupakan sistem peninggalan penjajah yang tidak mampu mewujudkan negara bangsa yang benar-benar bersatu padu.

“Sistem pendidikan sekarang tidak memerlukan sekolah pelbagai aliran kerana bahasa ibunda setiap kaum boleh dimasukkan sebagai sebahagian daripada kurikulum di dalam bilik darjah,” katanya.

(*Utusanonline*: 29 Okt. 2008).

Perkembangan BM pada hari ini sama seperti pada awal tahun 60-an. BM pada masa itu dibahaskan dalam satu jawatankuasa yang merentas kaum termasuk wakil daripada negara komanwel untuk dipersetujui menjadi bahasa kebangsaan. Perkembangan BM sepanjang 50 tahun menyaksikan laluan BM yang sukar. Pada tahun 1983 hingga 1995, status BM tidak pernah dipersoalkan. Semua peringkat persekolahan dari sekolah rendah hingga ke universiti telah menggunakan BM. Tidak ada berlaku insiden yang mengerikan hanya kerana BM. Semua rakyat akur dan belajar dalam suasana yang aman damai. Ramai anak bukan Melayu yang berjaya menjadi graduan yang cemerlang.

Namun begitu, kedudukan BM mula berkocak dengan kemelesetan ekonomi, kemudian diikuti dengan BI dibenarkan digunakan di IPTS. Berlaku pertembungan graduan di pasaran dan BI dijadikan ukuran

kejayaan. Di sinilah bermulanya BM dikhianati. BM dipersalahkan kerana telah melemahkan penguasaan BI anak-anak Malaysia. Dengan itu kita dapat lihat betapa polisi pendidikan yang diadakan selepas 1995 dengan secara halusnyanya menguburkan BM.

Berbalik kepada konteks Satu Malaysia, memang BM tidak diberikan perhatian yang sewajarnya. Ironinya, acara bulan bahasa kebangsaan diraikan pada setiap bulan Oktober. BM seolah-olah telah menjadi sejarah yang harus diperingati hanya pada bulan Oktober sama seperti kita meraikan kemerdekaan. Hari ini cara BM ditonjolkan dalam iklan Malaysia amat menyedihkan. Jika dahulu iklan perayaan tajaan PETRONAS menggunakan BM sebagai bahasa penyiarannya, kini hal ini tidak lagi berlaku. Semua iklan perayaan menggunakan bahasa ibunda masing-masing. Hal yang paling menggerunkan ialah kini terkandung empat bahasa dalam satu iklan. Contohnya, iklan PRIMAX 95 tajaan PETRONAS, iklan HEALIN, iklan CNI dan bakal menyusul banyak lagi iklan seumpama ini jika tidak dibendung.

Stesen televisyen pula hanya memikirkan keuntungan apabila menyatakan tentang peranan dan tanggungjawab sosial mereka kepada BM. Ahmad Puad Onah daripada Media Prima Berhad (2009) mengatakan pasaran yang menentukan penggunaan BM. Jika bahasa Mandarin dan BI yang lebih menguntungkan, maka biarlah bahasa Mandarin dan BI dibenarkan. Apa yang penting adalah keuntungan. Peranan media elektronik ini secara tidak langsung mempercepat kemusnahan BM.

## **ASPEK PENGAJARAN BM DAN PENGUASAAN REMAJA MALAYSIA**

Setelah membicarakan semua aspek makro bahasa Melayu pada masa depan dalam pendidikan nasional, kita lihat pula aspek mikro bahasa itu sendiri. Aspek mikro ialah aspek yang menyentuh mengenai pengajaran dan pembelajaran (P&P) bahasa itu sendiri. Adakah jika penguasaan BM lemah di kalangan pelajar akan turut melemahkan BM sebagai bahasa pengantar dan pembentuk jati diri rakyat Malaysia? Dalam ruangan bahasa dan sastera *Utusan Malaysia*, pandangan mengenai BM dilontarkan:

... isu bahasa sejak dulu hingga kini, sentiasa berpanjangan seolah-olah tidak ada kesudahannya. Penggunaan yang tidak menyeluruh, bahasa yang rosak, khususnya pada penggunaan papan tanda dan iklan sememangnya amat meluas sehingga menimbulkan polemik demi polemik. Jadi apa

yang perlu kita lakukan sekarang ialah mengukur di tahap manakah penguasaan bahasa kebangsaan di kalangan rakyat Malaysia...

*(Utusan Malaysia, 22 Oktober 2008)*

Kesan jangka panjang daripada ketidakseriusan menetapkan dasar bahasa akhirnya tergambar daripada satu penyelidikan yang dijalankan oleh kumpulan penyelidik Universiti Kebangsaan Malaysia. Kajian yang bertajuk, “Penguasaan Bahasa Melayu di Kalangan Remaja Malaysia” mendapati tahap penghayatan BM para remaja Malaysia menurun dan sesetengahnya perlu diberikan perhatian serius.

**Jadual 1** Peratus pencapaian pelajar dalam ujian bahasa Melayu berdasarkan kaum.

KAUM	CEMERLANG (%)	LULUS (%)	GAGAL (%)
Melayu	11.0	53.1	24.9
Cina	8.1	28.8	63.1
India	7.4	37.1	55.5
Iban	4.5	45.5	50.0
Kadazan	20.0	50.0	30.0
Lain-lain	12.1	44.1	43.8

Berdasarkan Jadual 1, dapat dilihat bahawa tiap-tiap kaum mencatatkan peratusan gagal yang lebih tinggi berbanding peratusan yang mendapat markah cemerlang. Paling membimbangkan ialah peratusan pelajar Cina (63.1 peratus) dan India (55.5 peratus) yang gagal lebih tinggi daripada peratusan mereka yang lulus atau cemerlang. Berdasarkan aliran kelas pula, didapati pelajar aliran sains dan teknik mencatatkan keputusan cemerlang yang lebih ramai berbanding aliran kelas yang lain. Hal ini adalah kerana, pelajar yang ditempatkan dalam aliran sains dan teknik merupakan pelajar yang mendapat keputusan yang baik dalam ujian UPSR. Dengan kata lain, mereka dikategorikan sebagai pelajar pintar. Hasil ujian bahasa Melayu berdasarkan aliran kelas dipaparkan dalam Jadual 2.

**Jadual 2** Peratus pencapaian pelajar dalam ujian bahasa Melayu berdasarkan aliran kelas.

<b>ALIRAN KELAS</b>	<b>CEMERLANG (%)</b>	<b>LULUS (%)</b>	<b>GAGAL (%)</b>
Sains	27.8	52.0	20.2
Akaun	12.9	48.5	38.6
Sastera	4.5	44.4	51.1
Teknik	23.7	26.3	50.0
Lain-lain	6.8	41.1	52.1


Secara umum, didapati lebih daripada 77 peratus pelajar Melayu, India, Iban, Kadazan dan kaum-kaum lain tetap yakin bahawa bahasa Melayu masih relevan untuk menyatupadukan pelbagai kaum di Malaysia. Mereka juga berpendapat bahawa bahasa Melayu mesti menjadi bahasa jati diri bangsa Malaysia. Walau bagaimanapun, hal ini agak berbeza dengan pendapat pelajar Cina. Sebanyak 75 peratus pelajar Cina yang terlibat dalam kajian ini masih tidak yakin dengan kemampuan bahasa Melayu untuk menyatupadukan pelbagai kaum di Malaysia. Era globalisasi yang serba-serbi menuntut penggunaan dan penguasaan bahasa asing, khususnya bahasa Inggeris, ditambah dengan ketidakpercayaan kerajaan dengan melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran Sains Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) mungkin dilihat oleh pelajar Cina sebagai bukti bahawa bahasa Melayu tidak mampu untuk menyatupadukan pelbagai kaum di Malaysia. Lebih daripada 45 peratus kalangan mereka juga berpendapat bahawa bahasa Melayu tidak mesti menjadi bahasa jati diri bangsa Malaysia

Kepetahan dan kemahiran bertutur merupakan impian bagi setiap pelajar kerana kemampuan ini meningkatkan keyakinan diri pelajar, khususnya ketika berhadapan dengan orang lain. Hasil kajian menunjukkan 93.3 peratus pelajar Melayu, 67.6 peratus pelajar Cina, 85.2 peratus pelajar India, 95.5 peratus pelajar Iban, 93.3 peratus pelajar Kadazan dan 92.9 peratus lain-lain suku kaum bersetuju bahawa mata pelajaran bahasa Melayu dapat memberikan kemahiran bertutur dengan baik. Mereka juga yakin bahawa penguasaan bahasa Melayu masih relevan untuk mendapatkan pekerjaan di Malaysia. Namun, 40.6 peratus pelajar Cina berpendapat sebaliknya, iaitu penguasaan bahasa Melayu tidak penting

untuk mendapatkan pekerjaan. Hal ini mungkin berkaitan dengan pola peluang pekerjaan yang dominan di Malaysia. Umumnya, kaum Melayu lebih tertumpu dalam sektor awam yang lebih mengutamakan bahasa Melayu, sementara kaum Cina banyak tertumpu dalam sektor swasta yang sememangnya kurang menggunakan bahasa Melayu. Justeru, kemahiran bertutur dalam bahasa Melayu tidak dianggap sebagai suatu kebolehan yang istimewa bagi pelajar Cina.

Kita lihat pula apakah kesan jangka panjang daripada pengabaian BM sebagai bahasa pengantar di sekolah. Berdasarkan data di atas, kita dapati lebih ramai pelajar bukan Melayu tidak cenderung terhadap BM dan pada masa yang sama semakin tidak berminat dengan BM. Soalan “Jika BM tidak dijadikan mata pelajaran wajib adakah mereka akan tetap mengambilnya?”. Lebih 45 peratus pelajar Cina menyatakan mereka tidak akan mengambil subjek ini. Ini berkait rapat daripada soalan “Adakah anda suka dengan BM?”. Pelajar India lebih memilih BM kerana mereka terus masuk ke aliran kebangsaan yang menggunakan BM, tetapi bagi pelajar Cina mereka mempunyai pilihan untuk ke sekolah menengah Cina.


**Jadual 3** Sikap terhadap BM.



Pada masa yang sama pelajar Cina masih mempunyai pandangan yang berbeza bagi mengenai soalan “Adakah BM boleh menjadi bahasa penyatu dan jati diri?”. Senario ini dapat dijelaskan dengan sistem pendidikan kita yang ala “landasan kereta api” yang tidak bercantum malah bergerak

selari. Persekitaran yang tidak menggunakan BM sepenuhnya dalam sistem persekolahan boleh menggugat kepercayaan ini. Pendapat ini telah ditanyakan kepada responden Cina yang belajar di sekolah menengah kebangsaan. Saya pasti jawapan untuk empat soalan di atas akan menjadi lebih ketara apabila ditanyakan kepada mereka yang belajar di sekolah aliran Cina sepenuhnya. Suasana pembelajaran yang menggunakan hampir 90 peratus bahasa Cina tidak akan memungkinan mereka menghayati BM sebagai bahasa perpaduan. Ini ialah realiti yang harus direnungkan bersama.

**Jadual 4** Persepsi pada BM.



Kadang-kadang terfikir juga pada fikiran kita mengapakah BM ini gagal menjadi faktor pengikat antara kaum di Malaysia. Salah satu faktornya adalah kerana penggunaan yang tidak meluas di sekolah aliran Cina. Bahasa pengantar yang berbeza dan perjalanan BM yang selari bukan bersepadu. Tetapi, mungkin boleh juga difikirkan faktor dalaman. Maksudnya adakah bahasa itu sendiri seronok untuk dipelajari. Daripada soal selidik yang dijalankan lebih daripada 30 peratus responden berasakan soalan tatabahasa peperiksaan BM terlalu susah. Daripada temu bual dengan guru sekolah yang mengajar, terlalu banyak tekanan yang diberikan kepada subjek BM. Semua aspek bahasa dilihat semasa menanda kertas peperiksaan. Contohnya, kesalahan ejaan, ayat, makna, pemilihan perkataan akan dipotong markah sehingga menjadikan sangat sukar mencapai gred yang baik bagi subjek ini. Tetapi ini tidak berlaku




pada subjek lain seperti sejarah, geografi, agama malah bahasa Inggeris. Secara tidak langsung BM menjadi tekanan dan bebanan kepada murid dan guru. Mungkin ada cara lain untuk memotivasikan minat pelajar.

Penekanan terhadap tatabahasa sehingga mengabaikan faktor pragmatik dalam memahami BM juga boleh menghamburkan minat pelajar. Contohnya, mengapa anak-anak bukan Melayu gagal dalam menguasai salah satu aspek pragmatik bahasa, iaitu ganti nama. Masih ada kedengaran anak-anak bukan Melayu yang menggunakan “aku”, “engkau” dan “kamu” apabila berbahasa dengan guru, pensyarah atau orang yang lebih tua. Dari segi tatabahasanya betul tetapi dari segi pragmatiknya penggunaan ganti nama ini dianggap kasar. Ini adalah kerana penekanan yang terlalu diberikan pada aspek tatabahasa dan tidak pada kecekapan pragmatik.

Hasrat murni kerajaan memasukkan aspek Komponen Sastera (KOMSAS) dalam mata pelajaran BM adalah baik. Tetapi daripada temu bual yang dilakukan kepada guru BM, KOMSAS bukan sahaja dianggap sebagai menambah beban pelajar tetapi juga gagal mencapai matlamatnya. Komponen KOMSAS hanya 16 peratus daripada markah keseluruhan peperiksaan BM. Maka pelajar-pelajar tidak nampak perlunya mereka menelaah teks-teks sastera. Cukup sekadar membaca buku sinopsis yang dijual di kedai buku.

Dalam kajian yang dilakukan menunjukkan lebih 30 peratus pelajar berasa soalan BM mengelirukan dan pada masa yang sama kaum Cina, India dan Kadazan mendapati soalan BM itu susah. Jadual 5 dapat menjelaskannya.

**Jadual 5:** Pandangan mengenai tatabahasa.



Sebagai strategi berguna, eloklah kita lihat dan rombak semula kurikulum BM itu sendiri agar BM akan menjadi mata pelajaran yang diminati dan terus dihayati oleh penutur. “Tak kenal maka tak cinta”. Jadi jika mereka telah mengenali dan menghayati bahasa ini, mungkin persepsi dan sikap mereka terhadap BM dapat dipositifkan.

## **KUASA POLITIK, IMPERIALISME BAHASA DAN MASA DEPAN BM**

Gambaran dapatan kajian di atas menunjukkan tahap penguasaan BM di kalangan remaja semakin menurun. Hal ini akan menjadi bertambah buruk apabila peranan BM sebagai bahasa perpaduan diabaikan. Sesuatu yang konkrit harus dilakukan bagi memastikan BM terus berdaulat di negara ini.

Jika dilihat perkembangan dunia pada hari ini, hampir semua bahasa ibunda terancam kesan daripada globalisasi. BI menguasai dunia pada hari ini. Selain daripada bahasa, budaya setempat turut terancam. Kuasa politik di seluruh dunia sebagaimana yang dikatakan orde dunia baru yang didominasi oleh golongan korporat hanya meletakkan pasaran sebagai matlamat utama mereka. Secara tidak langsung neoimperialisme telah meletakkan dunia dalam satu acuan *one size fits all*. Dalam kes bahasa, pendapat dua orang sarjana bahasa telah mengukuhkan lagi pendapat mengenai dominasi neoimperialisme. Ini dapat dilihat dengan kenyataan van Dijk (1997) melalui artikelnya *Discourse and Society* dalam Philipson (2006):

*English is increasingly intrudes on territory occupied earlier by other languages: The language barrier has become a more general scholarly and cultural barrier. The main obstacle to linguistic diversity, also in scholarship, however, is the arrogance of linguistic power in Anglophone countries, and especially the USA.*

Seterusnya, Fishman (2006) menegaskan lagi mengenai neoimperialisme ini,

*For example, scientific scholarship is increasingly an English-only domain in international communication (journals, reference works, text books, conference, networking), which has a knock-on effect nationally (language shift to English, particularly at the graduate level; funding needed for training, or for translation) and internationally (paradigms from the Anglo-American world being favored, marginalization of non-native speakers at conferences).*

Sesungguhnya kuasa politik yang kuat dan teguh pasti dapat membezakan antara kepentingan BM sebagai bahasa perpaduan demi jati diri negara. Komitmen terhadap BM harus diperteguh agar rakyat faham akan hala tuju jati diri negara sendiri. Pada masa yang sama kepentingan BI sebagai bahasa kedua turut diberikan perhatian agar kita tidak tercicir bersaing dengan negara membangun yang lain. Philipson seterusnya menambah, “hal ini kerana imperialisme linguistik merujuk kepada ketidaksamaan, padang permainan linguistik yang tidak rata, memberikan penekanan dan keutamaan yang sangat tidak adil hanya kepada satu bahasa (BI), penerimaan membuta tuli pada BI yang seolah-olah menjadi bahasa *default*.” Tekanan neoimperialisme memang sangat-sangat dirasai. Seseorang itu dianggap tidak cerdik hanya kerana gagal menguasai BI. Dalam dunia pengajian tinggi, bagi memastikan universiti tempatan mendapat kedudukan di bawah 100 dalam kedudukan dunia, maka disyaratkan pengambilan tenaga pengajar asing, pelajar pascasiswazah antarabangsa, dan mobiliti pelajar di peringkat dunia. Kesemua ini memerlukan satu bahasa sahaja bagi memudahkan pengajian dilaksanakan. Ternyata BI-lah yang menepati kriteria ini. Permainan seumpama ini memang menjadikan negara sedang membangun dan membangun mangsa keadaan jika tidak ditepis dengan bijaksana.

## KESIMPULAN

Negara berdaulat ialah negara yang mempunyai jati diri sendiri. Bahasa kebangsaan sebagai salah satu ciri jati diri yang boleh membezakan kita dengan bangsa-bangsa lain di dunia. Jika negara Cina dengan bahasa Cinanya, Jepun dengan bahasa Jepunnya, England dengan bahasa Inggerisnya, maka adalah sangat tepat sekali Malaysia menggunakan bahasa Melayunya. Idea globalisasi yang menjadikan negara membangun sebagai mangsa harus dilihat sekali lagi. Dolak-dalik tentang status bahasa tidak akan memberi kesan yang baik kepada negara. Jangan satu hari nanti negara kita menjadi negara yang tidak mempunyai identiti yang dapat dibanggakan oleh generasi yang akan datang. Apa yang lebih penting, bagaimanakah gagasan Satu Malaysia yang diuar-uarkan ini akan menjadi kenyataan jika masalah ini tidak ditangani segera.

## RUJUKAN

- Abdullah Hassan, 2002. "Kemajuan Negara Beracukan Bahasa dan Budaya Melayu" dlm. *Siri Bicara Bahasa Bil. 11*, Kuala Lumpur, DBP.
- Ahmad Puad Onah, 2009. "Peranan Media Prima dalam Mendaulatkan Bahasa Melayu". Forum Bulan Bahasa Kebangsaan. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Alimuddin Mohd. Dom, 2008. "Lebih ramai calon SPM 2007 layak dapat sijil" dlm. <http://www.utusan.com.my/utusan/arkib.htm>. [10/7/2008].
- J.A. Fishman, 2006. "Language Policy and Language Shift" dlm T.Ricento (ed.) *Language Policy: Theory and Method*. Oxford: Blakewell.
- Kementerian Pelajaran Malaysia, 2000. "Kajian pelaksanaan bahasa Melayu di sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil". *Laporan projek penyelidikan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP)*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Neal, D.C., Gill, V dan Tismer, W., 1970. "Relationship Between Attitude toward School Subject and School Achievement" dlm. *Journal of Educational Research*. 6 (52):232-38.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 2003. "Kuasa Politik Melawan Kuasa Ekonomi" dlm. *Language and Empowerment*. Kuala Lumpur: Persatuan Bahasa Moden Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin *et al.*, 2008. "Linguistik dan Persekitaran dalam Pembelajaran Bahasa Inggeris: Pelaburan Ke Arah Modal Insan Berkualiti" dlm Nor Hashimah *et al. Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua: Masalah dan Cabaran*. Bangi: FSSK.
- Nor Hashimah Jalaluddin *et al.*, 2009. "Penguasaan Bahasa Melayu Remaja Malaysia". Projek Penyelidikan UKM-GUP-TKS.08-07-294. Bangi:UKM.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 2009. "Kuasa Politik sebagai Indikasi Sikap Bahasa". Persidangan MABBIM, 13-15 Mac 2009, Brunei Darussalam.
- Pelaksanaan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006 – 2010 dlm. [http://www.moe.gov.my/galeri\\_awam/selidik/2007](http://www.moe.gov.my/galeri_awam/selidik/2007) [dipetik 15 Mei 2007]
- Robert Phillipson, 1992. *Linguistic Imperialism*. Oxford: Oxford University Press.
- Robert Phillipson, 2006. "Language policy and Linguistic Imperialism" dlm. T.Ricento (ed.). *Language Policy: Theory and Method*. Oxford: Blakewell.
- Rubin, J., 1971. *Can Language be Planned? Sociolinguistic Theory and Practice for Developing Nations*. Hawai: The University press.
- Utusan Malaysia* (22 Oktober 2008). [www.utusanonline.com](http://www.utusanonline.com)
- Utusan Malaysia* (29 Oktober 2009). [www.utusanonline.com](http://www.utusanonline.com)
- YM Tengku Razaleigh Hamzah, 2007. *Pemikiran dan Visi Tun Abdul Razak dalam Pembinaan Negara Bangsa Malaysia Merentas Sempadan Etnik*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Zainal Abidin Wahid, 2001. "Bahasa, Pendidikan dan Pembangunan" dlm. *Siri Bicara Bahasa Bil. 5*, Kuala Lumpur, DBP.